

## **Prof.Dr Mashitah Dilantik Penolong Pesuruhjaya Kehormat JPAM**



Kuala Lumpur, 7 April - Timbalan Naib Canselor Universiti (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat (PA) dalam Angkatan Pertahanan Awam baru-baru ini.

Pelantikan ini disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Adenan Ab. Rahman yang hadir mewakili Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam Majlis pemakaian pangkat dan Penyampaian Watikah Pegawai Kehormat Pertahanan Awam sempena Sambutan Hari Ulangtahnun Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan kali Ke-63 Tahun 2015.

Dengan pengurniaan tersebut, beliau merupakan Komandan KOR Siswa-siswi Pertahanan Awam (SISPA) UMP yang telah ditubuhkan di universiti ini sejak tahun 2010. Hadir sama dalam majlis Ketua Pengarah JPAM, Dato' Zaitun Samad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Prof. Mashitah ketika ditemui berkata, pelantikan itu akan menjadi pencetus dan peneraju terhadap perkembangan penubuhan KOR SISPA UMP pada masa akan datang.



"Sehingga kini terdapat seramai 181 orang KOR SISPA dan 11 anggota telah dikurniakan pangkat Leftanan Muda pada tahun lalu. Kita akan mempertingkatkan lagi penglibatan mahasiswa serta meningkatkan kemahiran dan peranan bagi setiap anggota KOR SISPA," katanya selepas majlis yang diadakan di Dewan De' Seri Endon Putrajaya.

Tambah beliau, melalui penyertaan mahasiswa dalam badan beruniform ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk menabur khidmat bakti untuk negara di samping memupuk nilai jati diri dan cintakan kepada tanah air. Penglibatan mahasiswa ini juga dapat menyuburkan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa universiti ini.

Turut sama hadir menerima watikah pelantikan adalah Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Omar Osman. Bersempena dengan Sambutan Ulangtahun JPAM, karnival yang berlangsung sepanjang bulan Mac lalu menyaksikan pelbagai program dianjurkan terutamanya di sekitar Putrajaya. Di antaranya termasuklah Latihan Selam Scuba, Latihan Memadam Kebakaran dan Pengendalian Bot Penyelamat yang disediakan untuk orang ramai setiap hujung minggu.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 15-04-2015, 14:32:53